

Israel sebuah kuasa tidak bermoral

Khairy turut menyerahkan deklarasi tersebut kepada Kedutaan Perancis dan Britain yang merupakan anggota tetap Majlis Keselamatan PBB

Oleh MUSTAFA KAMAL
| BASRI, HAMDEN RAMLI
(dan WAN SYAMSUL AMLY

KUALA LUMPUR 21 Julai - Israel merupakan sebuah kuasa yang tidak bermoral kerana melakukan tindakan kejam membunuh orang awam termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua tanpa belas kasihan.

Tindakan ketenteraan yang dilancarkan oleh Israel itu sangat tidak berperikemanusiaan kerana kanak-kanak, wanita dan orang tua itu bukan sahaja tidak berdaya tetapi tidak mempunyai senjata untuk mempertahankan diri.

Serangan tentera Israel itu juga telah menyebabkan beratus-ratus yang lain cedera dan kemusnahan ke atas kemudahan awam.

Kecaman itu terkandung dalam Deklarasi Pemuda Malaysia yang dihantar kepada Kedutaan Amerika Syarikat di sini hari ini bagi mengutur serangan Israel di Palestin dan Lebanon yang telah mengorbankan lebih 300 orang awam.

Deklarasi

Deklarasi dua muka surat itu diserahkan oleh Naib Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin kepada pegawai Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di pintu utama bangunan kedutaan itu selepas perhimpunan di pekarangan Masjid KLCC, di sini selepas sembahyang Jumaat.

Kira-kira 5,000 orang menghadiri perhimpunan itu.

Khairy turut menyerahkan deklarasi tersebut kepada Kedutaan Perancis dan Britain yang merupakan anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Sementara wakil Pergerakan Pemuda UMNO menyerahkan deklarasi yang sama ke Kedutaan China dan Rusia yang juga anggota tetap Majlis Keselamatan.

Khairy semasa berucap pada

perhimpunan itu meminta semua negara bersatu memulaukan segala bentuk konspirasi Israel dan AS.

"Pemuda mehggesa PBB menerima memorandum yang kami hantar ini demi keamanan dunia," katanya.

Secara keseluruhan, Deklarasi Pemuda Malaysia menuntut beberapa desakan yang mesti dilaksanakan oleh semua pihak dalam memastikan keamanan dapat dipulihkan di wilayah yang bergolak itu iaitu:

- Mendesak rejim Israel menghentikan serangan tentera dan provokasi terhadap rakyat Palestin di Genting Gaza dan rakyat Lebanon serta menarik balik sekatan dan mengundurkan tenteranya dari Gaza dan Lebanon.

- Mendesak Majlis Keselamatan terutama lima negara anggota tetap majlis itu meluluskan resolusi mengenakan pencatan senjata serta-merta dan menempatkan tentera pengaman.

- Mendesak Majlis Keselamatan meluluskan resolusi membenarkan masyarakat antarabangsa menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza dan rakyat Lebanon.

- Mendesak semua pihak yang terlibat dalam konflik itu supaya berunding bagi membuat pertukaran tawanan dan mereka yang dipenjarakan.

- Mendesak supaya semua pegawai dan menteri Kabinet Palestin dibebaskan segera tanpa syarat di samping merayu masyarakat antarabangsa memberi bantuan kepada rakyat Palestin dan Lebanon serta pelarian.

- Pemuda Malaysia menutup deklarasi itu dengan membuat rayuan:

"Kami Pemuda Malaysia menggesa masyarakat dunia di mana sahaja mereka berada yang menghormati dan mengunjung undang-undang antarabangsa, maruah dan keadilan supaya bersama-sama kami dalam usaha menamatkan kesengsaraan dan penindasan yang dilakukan oleh Israel."